

# Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan UPM 2019

SERDANG - Pusat Pembangunan Keusahawanan dan kebolehpasaran Graduan, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan melalui Agensi Profesional Training & Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) menganjurkan Program Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan UPM 2019 di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

**Pegawai Eksekutif Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM, Ahmad Fauzi Abu Bakar** berkata, program tersebut adalah satu inisiatif pihak kementerian bersama UPM dalam menangani isu nasional berkaitan kebolehpasaran dan daya saing graduan.

Menurut beliau, program ini menyasarkan seramai 5,000 pengunjung yang hadir dalam program ekspo kerjaya dan keusahawanan UPM 2019 yang mana ia terbuka kepada semua pelajar, bakal graduan dan juga kepada semua pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia.

"Hampir 50 organisasi dari pelbagai bidang dalam dan luar negara turut

terlibat di dalam program tersebut," katanya.

Menerusi program tersebut dapat membuka ruang perbincangan serta perkongsian maklumat berkaitan kerjaya oleh syarikat dan agensi luar kepada bakal graduan, graduan UPM dan graduan IPT.

Antara aktiviti yang diadakan semasa program berlangsung ialah klinik E-Resume kebolehpasaran graduan, pameran agensi dan industri, temu duga terbuka, cabutan nombor bertuah serta ceramah kerjaya dan keusahawanan.

Sementara itu, **pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda dari Fakulti Ekologi UPM, Noor Azeaty Mohd. Khalif, 25**, berkata, bidang perniagaan yang diceburinya iaitu membuat coklat dengan ramuan sendiri berjaya meraih pendapatan sehingga RM15,000 sebulan.

Katanya, setakat ini produknya telah menembusi pasaran di beberapa buah negeri iaitu di Langkawi, Kuala Lumpur dan Serdang.

"Saya tidak sangka mampu mencapai kejayaan seperti hari ini meskipun baru menerokai dunia perniagaan coklat sejak dua tahun lalu.

"Kelima-lima produk saya adalah berdasarkan coklat gelap kerana saya tidak



NOOR AZEATY menunjukkan produk coklat yang diusahakannya sejak dua tahun lalu.

mau bersaing dengan syarikat coklat susu terkemuka seperti Cadbury, Kit Kat dan lain-lain," katanya kepada pemberita dalam siri jelajah PROTÉGÉ di UPM di sini baru-baru ini.

Bercerita lebih lanjut, Noor Azeaty mempunyai cita-cita tinggi iaitu mau membuka kilang coklat miliknya sendiri

selepas tamat pengajian nanti.

Katanya, jenama Delish Chocolate yang dijual serendah RM8 sekotak itu diharapkan dapat dipasarkan di peringkat antarabangsa dengan menawarkan lebih banyak pilihan kepada penggemar coklat.

"Saya memang mau perniagaan coklat ini melebarkan sayap ke luar negara. Itu antara matlamat saya apabila menceburi bidang perniagaan."

"Selain itu, dengan adanya kilang nanti, saya boleh tawarkan pekerjaan kepada orang ramai sekali gus bantu kurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan," ujarnya.

Tambah Noorazeaty, dia berharap mahasiswa yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan tidak akan mudah patah semangat atau rasa terkejeng dengan masalah kewangan.

"Banyakkan serta program seperti PROTÉGÉ untuk tahu maklumat mengenai keusahawanan. Kerajaan banyak menyediakan dana untuk peniaga-peniaga muda macam kami cuma perlu bijak mencari peluang."

"Paling utama perlu ada minat dalam diri. Jika tidak minat kejayaan tidak akan tercapai dan kita hanya berada di tahap yang sama," jelasnya.